

Bil. E. 5. — UNDANG2 SHARIKAT TUKANG2 PERAK
MELAYU BRUNEI (PERSATUAN) 1959.

Undang2 berikut oleh Duli Yang Maha Muli Al-Sul-
tan dalam Majlis Meshuarat adalah di-siarkan untuk ma'-
aloman ramai.

NEGERI BRUNEI

UNDANG2 No. 4 TAHUN 1959

*Satu Undang2 untok menyatukan Sharikat Tukang2
Perak Melayu Brunei*

D. C. WHITE
*British Resident,
Brunei.*

Dengan ini adalah di-undangkan oleh Duli Yang Maha
Mulia Al-Sultan dalam Majlis Meshuarat —

1. Undang2 ini boleh di-gelar sebagai Undang2 Sharikat Gelaran pendek.
Tukang2 Perak Melayu Brunei (Persatuan), 1959.

2. (1) Maka akan di-adakan sa-buah badan bersatu di-
bawah nama “Sharikat Tukang2 Perak Melayu Brunei” (sele- Penubohan sa-buah
badan yang
bersatu.
pas ini dalam Undang2 ini di-panggil “Sharikat”).

(2) Sharikat itu boleh menda'wa atau di-da'wa dalam
nama-nya dan akan mempunyai turun menurun yang kekal
dan boleh membuat perjanjian2 dan boleh memperoleh,
membeli, memajak, mengambil, memegang dan mene'mati
harta yang boleh bergerak dan tidak boleh bergerak dari sega-
la jenis rupa, dan terta'lok sebagaimana yang selepas ini di-
adakan dan, kepada sebarang atoran yang di-buat menurut
bab 7, dan kepada syarat2 dari sebarang undang2 bertulis
yang lain, boleh menjual, menghantar, menguntokkan, me-
nyerah, menggadai, mewasiatkan, menyerahkan semula, menu-
kar atau sebakel-nya menjual sebarang harta yang boleh ber-
gerak atau yang tidak boleh bergerak yang di-serahkan ke-
pada Sharikat itu mengikut syarat2 sedemikian sebagaimana
Sharikat itu boleh berfikir patut.

3. (1) Sharikat itu akan mempunya'i sa-buah mohor biasa Mohor biasa.
dan boleh dari semasa ka-semasa membuat, menukar, mengu-
bah dan membaharui mohor itu sebagaimana Sharikat itu
boleh berfikir patut.

(2) Sehingga sa-buah mohor di-adakan di-bawah bab
ini, sa-buah chap yang mengandongi tulisan “Sharikat Tu-
kang2 Perak Melayu Brunei” boleh di-gunakan sebagai mo-
hor biasa.

4. Tujuan2 dan maksud2 'am bagi Sharikat itu adalah — Tujuan2 dan
maksud2 'am.

- (a) untuk menuboh dan mengadakan sa-buah tempat
perniagaan di-Bandar Brunei, dan, jika perlu, cha-
wangan2-nya di-Negeri, bagi menjual benda2 yang
di-buat atau di-perolehi dari pekerjaan atau perusa-
haan ahli2-nya, iaitu tukang2 perak Melayu Brunei
yang layak menurut dengan atoran2 yang di-buat di-
bawah bab 7;
- (b) untuk membena bangunan2 di-atas sebarang harta
Sharikat yang tidak boleh bergerak, bagi maksud2
perniagaan chawangan2 bagi-nya, atau bagi mak-
sud memajukan harta Sharikat itu, dan untuk me-
melihara, membaiki, mengubah dan membena se-
mula sebarang bangunan2 yang sedemikian;
- (c) untuk menerima dan membelanjakan bagi maksud2
Sharikat itu yang benar semua wang yang boleh
di-perolehi bagi maksud2 itu, sama ada di-adakan
dari wang2 orang ramai atau di-yurankan oleh se-
barang orang, dan semua wang yang di-terima sa-
bagai bayaran harga barang2 atau perkhidmatan2;
- (d) untuk menaiki darjah pertukangan di-antara ahli2
nya;
- (e) untuk menentukan latehan yang betul dalam peker-
jaan perak bagi sa-bilangan munasabah pemuda2
Melayu Brunei;

- (f) untuk mengambil semua langkah2 yang perlu untuk menjaga faedah2 ahli2 Sharikat itu;
- (g) untuk menggalakkan semua rupa perniagaan Shari-
kat itu; dan
- (h) maksud2 lain yang sedemikian sabagaimana boleh
di-adakan oleh atoran2 yang di-buat di-bawah bab
7.

Jawatankuasa
pengelolaan.

5. Hal ehwal Sharikat itu akan di-kelolakan oleh sa-buah jawatankuasa yang di-adakan menurut atoran2 yang di-buat di-bawah bab / (selepas ini dalam Undang2 ini dan atoran2 itu di-panggil “Jawatankuasa”) dan, tertaklok kepada atoran2 itu, Jawatankuasa itu akan mempunyai kuasa penoh tentang hasu dan wang modal dan harta benda Sharikat itu, dan akan menjaga, mengarah dan memutuskan semua perkara barang apa yang bersangkutan dengan lantekan pegawai2 serta orang2 gaji yang akan di-bayar dari wang2 Sharikat itu dan bagi pertadbiran hal ehwal Sharikat itu dan terchapai-nya tu-juan2 dan maksud2 'am Sharikat itu dan Jawatankuasa itu akan mempunyai dan boleh menjalankan semua kuasa yang di-beri kepada Sharikat itu oleh Undang2 ini dan sebarang atoran yang di-buat di-sini.

Menanda tangani
surat2.

6. — (1) Semua surat perjanjian, surat2 atau surat2 kuasa lain yang menghendaki mohor Sharikat itu dan telah menerima kebenaran Jawatankuasa itu dengan suara yang terba-nyak akan di-chap dengan mohor biasa Sharikat itu di-hadapan dua orang ahli Jawatankuasa, siapa akan menanda tangani segala surat perjanjian, surat atau lain surat kuasa yang sedemikian kepada yang mana mohor biasa itu di-bubuhkan, dan hal menanda tangani yang demikian akan menjadi keterangan yang chukop bahwa mohor itu telah sepatut-nya serta dengan betul di-buboh dan ianya adalah mohor Sharikat itu yang benar.

(2) Sebarang perjanjian atau surat kuasa yang mana, jika di-buat atau di-tanda tangani oleh sekarang orang, ti-dak akan menghendaki di-buboh mohor, boleh di-buat atau di-tanda tangani bagi pehak Sharikat itu oleh saorang yang 'am-nya atau khas-nya di-benarkan oleh-nya bagi maksud itu.

Atoran2.

7. Tertaklok kepada kebenaran Al-Sultan dalam Majlis Meshuarat, Jawatankuasa itu boleh membuat atoran2 —

- (a) untuk menetapkan kelayakan2 bagi ahli Sharikat itu dan jumlah modal sher serta bilangan sher yang saorang ahli akan membeli dan juga untuk menga-torkan penjualan atau penyerahan sher2;
- (b) untuk mengatorkan perlembagaan dan perjalanan2 Jawatankuasa itu, memanggil meshuarat2, *quorum* yang perlu bagi menjalankan perkara, undian ahli2 Jawatankuasa serta peratoran bagi menjalankan perkara;
- (c) bagi melantek jawatankuasa2 kecil;
- (d) bagi melantek serta membayar gaji saorang setia-usaha ;

- (e) untuk menguntukkan kewajipan2 kepada, dan untuk mengotor perjalanan kuasa bagi menjalankan pekerjaan (executive power) oleh, Jawatankuasa itu, jawatankuasa2 kecil dan pegawai2 Sharikat itu;
 - (f) untuk mengotor penyimpanan serta penunjukan kira2;
 - (g) untuk mengotor perjalanan sebarang chawangan yang di-adakan atau di-tuboh oleh Sharikat itu dan penerimaan ahli2;
 - (h) untuk mengotor lantekan, kelakuan atau pembuangan pegawai2 serta orang2 gaji Sharikat itu;
 - (i) untuk mengotor modal sher bagi Sharikat itu dan bilangan sher yang seorang ahli akan membeli;
 - (j) untuk menetapkan tanggungan bagi kehilangan yang terkena atau hutang piutang yang di-buat oleh Sharikat itu;
 - (k) untuk mengotor penutupan Sharikat itu jika sekiranya-bengkerap;
 - (l) untuk mengotor penjualan perusahaan2 ahli Sharikat itu;
 - (m) untuk mengadakan lantekan sa-buah Badan Pemeriksa dan pekerjaan2nya, dan
 - (n) umom-nya untuk menjalankan tujuan2 dan maksud2 'am bagi Sharikat itu dan bagi Undang2 ini.
- (2) Atoran2 yang di-dalam Jadual akan di-anggap telah di-buat di-bawah cheraian (1) dan akan terus berkuasa kechuali asalkan saja ianya boleh di-penda atau di-gantikan oleh atoran2 yang di-buat di-bawah cheraian itu.

8. Syarat2 dari Undang2 Sharikat, 1956 tidak akan dikenakan kepada Sharikat itu.

Undang2 No. 25
tahun 1956.

J A D U A L

(Bab 7)

SUSUNAN ATORAN2

Atoran2.

1. Gelaran.
2. Tafsiran.
3. Ahli.
4. Modal dan sher2.
5. Penubohan Jawatankuasa.
6. Meshuarat Tahunan.
7. Chara bagi lantekan2.
8. Kira2, Wang Simpanan dan Pembahagian2.
9. Wang Simpanan.
10. Penerimaan2, pembayaran2 dan surat menyurat.
11. Tanggungan bagi kehilangan yang terkena atau hutang piutang yang di-buat.

12. Kuasa Tertinggi.
13. Pemechatan Ahli.
14. Harta Sharikat yang tidak boleh bergerak.
15. Kematian atau Kechederaan Ahli.
16. Pemberhentian Ahli.
17. Penjualan perusahaan2 Ahli kepada Sharikat.
18. Bonos.
19. Permohonan untok memasoki semula Sharikat.
20. Latehan.
21. Badan Pemereksa.
22. Atoran2.

Gelaran. 1. Atoran2 ini boleh di-gelar sabagai Atoran2 Tukang2 Perak Melayu Brunei (Persatuan), 1959.

Tafsiran. 2. Dalam Atoran2 ini —
 “Badan Pemereksa” erti-nya Badan Pemereksa yang di-lantek di-bawah atoran 21;
 “Jawatankuasa” erti-nya jawatankuasa yang di-sebutkan dalam bab 5 dari Undang dan di-adakan di-bawah atoran 5;
 “Undang2” erti-nya Undang2 Tukang2 Perak Melayu Brunei (Persatuan), 1959;
 “ahli” erti-nya saorang ahli Sharikat menurut dengan atoran 3;
 “Wang” erti-nya Wang Simpanan yang di-adakan di-bawah atoran 8.

Ahli. 3. — (1) Ahli adalah, pada permulaan-nya, terbuka kepada semua tukang2 perak Melayu Brunei yang di-akui oleh Badan mempunyai satu darjah kemahiran dan kecekapan yang munasabah.

(2) Ahli yang selanjut-nya akan, atas permintaan, terbuka pada tiap tahun, pada satu tarikh yang akan di-tetapkan oleh Jawatankuasa, kepada —

(a) pemuda-pemudi Melayu Brunei yang telah tamat sekurang2-nya latehan selama dua tahun di-bawah saorang ahli; atau

(b) saorang tukang perak Melayu Brunei, yang memuaskan hati Badan Pemereksa bahwa pekerjaan perak-nya adalah dari darjah yang di-kehendaki.

Modal dan sher2.

4.—(1) Modal sher Sharikat itu akan dari satu jumlah yang akan di-tetapkan, dari semasa ka-semasa, oleh Jawatankuasa dan akan di-bahagikan menjadi bilangan sher yang sedemikian, sebanyak lima ratus ringgit tiap2 satu, sabagaimana boleh, dari semasa ka-semasa, di-tetapkan oleh Jawatankuasa.

(2) Tertaklok kepada fasal (3), saorang ahli akan membeli sekurang2nya satu sher dan tidak lebeh dari dua puluh sher.

(3) Jawatankuasa boleh membenarkan pembelian oleh saorang ahli lebeh dari dua puluh sher siapa dengan itu tidak akan berhak mendapat lebeh dari satu undi di-sebarang mesuarat Sharikat itu.

(4) Saorang ahli boleh menyerahkan sher2-nya kepada Sharikat atau, dengan kebenaran dari Jawatankuasa, menjual-nya kepada ahli lain tetapi bukan-nya kepada orang lain.

(5) Saorang akan luput dari menjadi saorang ahli jika tidak mempunyai sekurang2-nya satu sher.

5.— (1) Tambahan kepada sebarang ahli2 *yang berjawatan*, Jawatankuasa akan mengandongi saorang Pengurus Agong, yang di-lantek di-bawah atoran 7, siapa akan menjadi Pengurus dan tidak kurang dari empat orang ahli lain juga di-lantek.

Penubohan
Jawatankuasa.

(2) Saorang Pengurus akan di-lantek bagi tiap2 chawangan dari perniagaan Sharikat itu siapa akan menjadi saorang ahli *yang berjawatan* bagi Jawatankuasa itu.

(3) Saorang Bendahari akan di-lantek siapa akan bertanggung jawab bagi kira2 Sharikat itu, dan akan menjadi saorang ahli *yang berjawatan* bagi Jawatankuasa itu.

6.—(1) Satu meshuarat tahunan bagi Sharikat itu akan diadakan tidak lewat dari 31 haribulan March tiap2 tahun.

Meshuarat
Tahunan.

(2) Untok mengundi di-satu Meshuarat Agong Tahunan atau di-satu Meshuarat Agong, saorang ahli akan dengan sendiri-nya hadir tetapi dia tidak akan mengundi lebeh dari sekali.

(3) Tidak ada perkara yang akan di-jalankan di-sebarang meshuarat kechuali ada hadir satu *quorum* dari setengah ahli2.

(4) Manakala sa-bilangan undi yang sama di-daftarkan kedua2-nya bagi dan bertentangan satu usol, maka Pengu-rus Agong akan mempunyai dan menjalankan satu undian pemutus.

7.— (1) Pada meshuarat agong tahunan, maka akan di-lan-tek, untok selama sa-tahun, dengan satu undian yang terba-nyak —

Chara bagi
lantekan2.

- (a) Pengurus Agong,
- (b) Bendahari dan
- (c) ahli2 Jawatankuasa.

(2) Pengurus2 Chawangan akan dengan serupa itu di-lantek, atau kalau tidak mengikut itu, boleh di-lantek oleh Jawatankuasa, dalam perkara yang mana mereka akan me-megang jawatan sehingga selepas meshuarat agong tahunan yang akan datang.

8.—(1) Kira2 yang menunjukkan keuntongan dan kerugi-an perniagaan Sharikat itu hendaklah di-buat sehingga 31 haribulan December pada tiap2 tahun dan kenyataan2 itu hendaklah di-persembahkan di-meshuarat agong tahunan yang akan datang selepas di-pereksa oleh saorang pemereksa kira2 nama siapa tertera dalam sinarai pemereksa2 kira2 yang di-benarkan di-bawah cheraian (3) bab 131 dari Un-dang2 Sharikat, 1956.

Kira2, Wang
Simpanan dan
Pembahagian2.

Undang2 No. 25
tahun 1956.

(2) Sebelum meshuarat itu, salinan2 kenyataan itu hen-daklah di-bahagikan oleh Bendahari kepada tiap2 ahli.

(3) Melainkan di-putuskan di-meshuarat agong tahunan bahwa sa-jumlah yang lebeh hendaklah di-ketepikan, sa-puluh peratus dari jumlah keuntongan bagi tahun itu hendaklah di-ketepikan sabagai satu Wang Simpanan, yang akan di-selenggarakan menurut atoran 9.

(4) Selepas menepikan jumlah yang di-sebutkan dalam fasal (3), Jawatankuasa itu boleh mengishtiharkan satu pembahagian yang mana ahli2 akan berhak menerima mengikut banyak-nya sher2 mereka.

Wang Simpanan.

Undang2 No. 18
tahun 1956.

9.—(1) Wang hendaklah di-simpan dalam satu kira2 bank dengan sa-buah bank yang di-beri lisen di-bawah Undang2 Bank, 1956, dan hendaklah di-simpan berasingan dari kira2 perdagangan 'am Sharikat itu.

(2) Manakala ada hutang piutang yang di-pinjam oleh Sharikat itu, tidak ada pembayaran dari Wang Simpanan akan di-lakukan kechuali berhubong dengan bayaran2 bank dan lain hutang piutang itu.

(3) Manakala tidak ada hutang piutang yang di-pinjam oleh Sharikat, maka bolehlah di-putuskan di-satu meshuarat agong tahunan untuk membenarkan pembayaran2 dari Wang bagi semua di-atas sebarang maksud2 yang berikut —

- (a) pembelian tanah dan bangunan2 (alat2 perkakas, jentera dan perak hendaklah di-beli dari wang dalam kira2 perdagangan 'am, bagi yang mana tidak ada keputusan yang sedemikian akan menjadi perlu);
- (b) sabagai pinjaman2 kepada ahli2 jika jumlah yang di-pinjamkan kepada ahli2 pada satu ketika tidak akan lebeh dari setengah Wang itu;
- (c) sabagai bahgian dari satu pembahagian tahunan yang di-benarkan oleh keputusan di-meshuarat agong tahunan, jika sabagai satu akibat dari pembayaran itu, Wang itu tidak kurang dari dua ribu ringgit.

Penerimaan2,
pembayaran2 dan
surat menyurat.

10.—(1) Semua wang yang di-terima oleh Pengurus Agong, Bendahari, saorang Pengurus Chawagan atau lain2 pegawai hendaklah di-masokkan ke-dalam buku2 penerimaan yang bersusaian di-simpan bagi maksud itu.

(2) Risit2 yang di-keluarkan oleh Sharikat itu bagi wang2 yang di-terima oleh-nya akan mengandongi butir2 penuh, yang di-tulis dengan terang, dan hendaklah di-tanda tangani oleh Pengurus Agong, Pengurus Chawagan atau Bendahari, sabagaimana boleh berpatutan.

(3) Tiap2 pembayaran hendaklah di-buat dengan chara satu voucher yang berasingan.

(4) Tidak lebeh dari lima puloh ringgit, pada satu ketika, akan di-simpan dalam peti besi perniagaan atau peti besi sa-buah chawagan, dan semua wang yang di-terima, atau baki yang di-simpan, yang lebeh dari jumlah itu hendaklah di-masokkan pada tiap2 hari ke-dalam satu kira2 perdaga-

Undang2 No. 18
tahun 1956.

ngan 'am bagi Sharikat itu dengan sa-buah bank yang di-beri lisen di-bawah Undang2 Bank, 1956.

(5) Chek2 dan voucher2 hendaklah di-tanda tangani oleh sekurang2-nya dua orang pegawai Sharikat itu.

(6) Perbelanjaan yang tidak lebeh dari lima ratus ringgit boleh di-benarkan oleh Pengurus Agong dan dua orang ahli.

(7) Perbelanjaan yang lebeh dari lima ratus ringgit hendaklah di-susol, bagi keputusan, ka-satu meshuarat agong Sharikat itu.

(8) Semua perbelanjaan yang tidak di-sokong oleh satu penerangan yang chukop akan di-anggap tidak sah.

(9) Kechuali bagi surat2 kuasa yang menghendaki mohor Sharikat itu, surat2 atau lain2 warkah yang di-keluar-kan dari sa-buah chawangan Sharikat itu hendaklah di-tanda tangani oleh Pengurus Chawangan itu, di-buat menurut dengan arahan2 dari Jawatankuasa atau, kalau tidak, Pengu-rus Agong.

11.—(1) Manakala, oleh kechuaian tepat dari saorang ahli, Sharikat itu menanggung kerugian atau beroleh hutang piutang maka ahli itu sahaja yang akan bertanggung jawab bagi kerugian atau hutang piutang demikian.

Tanggungan bagi kehilangan yang terkena atau hutang piutang yang di-buat.

(2) Jika Sharikat itu menjadi bengkerap, dan ianya timbol bukan dari kechuaian saorang ahli, maka Sharikat itu boleh di-tutup oleh Mahkamah tetapi tidak ada bayaran terhadap sebarang hutang atau tanggungan Sharikat itu, dan harga2, bayaran2 dan perbelanjaan2 bagi menutup-nya, akan di-kehendaki dari saorang ahli yang lebeh dari jumlah, jika ada, sher2 yang belum di-bayar berhubung dengan mana dia boleh terkena sabagai saorang ahli.

12.—(1) Kechuali manakala sebahek-nya di-adakan oleh Undang2 atau atoran2 ini, keputusan dengan suara yang terbanyak dari ahli2 yang hadzir di-sebarang meshuarat agong akan, berhubung dengan hal ehwal Sharikat itu, terikat ke-atas Jawatankuasa.

Kuasa Tertinggi.

(2) Tidak kurang dari lima orang ahli boleh, dengan pemberitahuan yang bertulis kepada Pengurus Agong, menghendaki-nya untuk memanggil satu meshuarat agong bagi ahli2.

(3) Pemberitahuan yang bertulis bagi satu meshuarat agong, atau meshuarat agong tahunan, hendaklah di-beri sekurang2nya sa-puloh hari kepada semua ahli oleh Pengu-rus Agong dan pemberitahuan itu hendaklah, dalam perkara meshuarat agong, menyatakan sebab2 kerana memanggil meshuarat itu.

13.—(1) Sharikat itu, melakukan melalui Jawatankuasa, dan tertaklok kepada sebarang keputusan menurut fasal (1) dari atoran 12, boleh membuang saorang ahli yang —

Pemecahan Ahli.

- (a) memecah amanah yang telah di-serahkan oleh Sharikat itu kepada-nya; atau
- (b) melanggar atoran2 ini.

(2) Satu keputusan tentang pembayaran balek sher2-nya dalam Sharikat itu akan di-ambil dengan keputusan di-satu meshuarat agong.

Harta Sharikat yang tidak boleh bergerak.

14.—(1) Harta Sharikat yang tidak boleh bergerak boleh di-jual hanya dengan kebenaran dari Al-Sultan dalam Majlis Meshuarat.

(2) Hasil yang di-perolehi dari harta Sharikat yang tidak boleh bergerak hendaklah di-bahagi2kan kepada ahli2 atau warith2 anggota2 Sharikat itu menurut dengan satu keputusan dari satu meshuarat agong ahli2.

Kematian atau kechedraan ahli.

15 Manakala, sebelum di-bayar balek sebarang pinjaman yang di-beri-nya oleh Kerajaan, saorang ahli mati atau mendapat satu kemalangan yang mencheegah-nya dari bekerja dengan Sharikat itu, maka satu keputusan tentang pembayaran balek sher2-nya dengan Sharikat itu akan di-ambil dengan keputusan di-satu meshuarat agong.

Pemberhentian ahli.

16.—(1) Saorang ahli boleh berhenti daripada menjadi ahli Sharikat dan satu keputusan tentang pembayaran balek sher2-nya dengan Sharikat itu akan di-ambil dengan keputusan di-satu meshuarat agong.

(2) Saorang ahli yang sedemikian-nya berhenti tidak akan mempunyai hak lagi kepada sebarang hasil daripada harta Sharikat yang tidak boleh bergerak dan hak2-nya berhubung dengan masa ianya menjadi ahli akan menurut dengan satu keputusan dari satu meshuarat agong ahli2.

Penjualan perusahaan2 Ahli kepada Sharikat.

17.—(1) Tertaklok kepada fasal (2), saorang ahli akan menjual perusahaan2 pertukangan-nya kepada Sharikat itu menurut dengan atoran ini.

(2) Asalkan dia mempunyai satu sijil kemutuan (certificate of quality) daripada Badan Pemereksa, saorang ahli boleh menjual, selain dari Sharikat itu, perusahaan2-nya menurut satu sinarai yang di-benarkan oleh Jawatankuasa.

(3) Asalkan pekerjaan itu adalah dari darjah yang munasabah, saorang ahli akan berhak untok menerima bayaran bagi perusahaan2nya yang di-jual kepada Sharikat itu.

(4) Jika terjadi satu pertelingkahan tentang darjah itu, Pengurus Agong akan menyusol perusahaan itu kepada Badan Pemereksa keputusan siapa tentang darjah akan menjadi mu'tamat.

Bonos.

18. Satu bonos, yang berdasar di-atas harga perusahaan2 saorang ahli, boleh di-bahagi2kan pada masa yang di-nyatakan kepada saorang ahli dari wang2 yang berlebehan selepas di-potong semua perbelanjaan dan selepas membuat penguntukan bagi hutang2 yang tidak di-bayar dan waham sama ada akan di-bayar dan membuat penguntukan bagi Wang Simpanan.

Pemohonan untok memasoki semula Sharikat.

19.—(1) Saorang yang tidak lagi menjadi ahli kerana telah berhenti atau di-buang boleh memohon kepada Jawatankuasa untok memasoki semula Sharikat itu.

(2) Keputusan Jawatankuasa di atas permohonan itu akan menjadi mu'tamat dan tidak akan di-soal dalam sebarang chara pun.

20.—(1) Tertaklok kepada fasal (2), Jawatankuasa boleh memilih seorang pemuda atau pemudi Melayu Brunei siapa, pada fikiran-nya, adalah sesuai, dan di-serahkan-nya, kerana latehan dalam pekerjaan perak, kepada seorang ahli. Latehan.

(2) Bilangan orang2 yang di-serahkan kerana latehan di-bawah bab ini tidak akan pada bila2 masa pun lebeh dari bilangan ahli2 pada masa itu.

(3) Dengan kebenaran dari Jawatankuasa, seorang ahli boleh dengan serupa itu melateh seorang keluarga-nya sendiri.

21. Satu Badan Pemereksa yang mengandongi — Badan Pemereksa.

(a) seorang pengursi, dan

(b) lima orang ahli lain, dari yang mana tidak kurang dari tiga orang hendaklah tukang2 perak yang menjalankan tugas,

akan di-lantek oleh Al-Sultan dan memutuskan semua soalan tentang kemahiran dan darjah.

22. Satu salinan Atoran2 ini, hendaklah di-beri oleh Pengu-rus Agung kepada tiap2 ahli. Atoran2.

DI-LULUSKAN pada 15 haribulan July, 1959.

MOHAMED TAIB
Clerk of Council.

Chatetan Penerangan

Tujuan Undang2 ini ialah untok menyatukan Sharikat Tukang2 Perak Melayu Brunei yang mana telah di-daftarkan di-bawah Undang2 Nama2 Perniagaan, 1958 (No. 2 tahun 1958). Sharikat ini tidak mahu memohon bagi pendaftaran di-bawah Undang2 Persekutuan (*Panggal 66*) (sungguh pun Undang2 itu tidak menchegeh pendaftaran manakala maksud2 persekutuan itu bukan hanya di-tujukan terhadap menjalankan satu perniagaan yang sah) atau penubohan di-bawah Undang2 Sharikat, 1956 (No. 25 tahun 1956). Sebagai akibat penyatuan itu, Sharikat ini akan di-kehendaki lagi di-daftarkan di-bawah Undang2 Nama2 Perniagaan, 1958.

Bab 2 dari Undang2 ini menyatukan Sharikat ini dan memberikan-nya bentuk satu rupa undang2. *Bab 3* mengadakan satu mohor biasa dan membuat syarat2 bagi penggunaan, sehingga satu mohor yang betul di-adakan, satu chap yang mengandongi tulisan Sharikat ini.

Bab 4 menunjukkan tujuan2 dan maksud2 'am bagi Sharikat ini, yang mana termasuk tujuan2 dan maksud2 menuboh dan mengadakan sa-buah tempat perniagaan di-Bandar Brunei dan chawangan2 di-dalam Negeri, bagi meninggikan darjah pertukangan di-antara anggota tukang2 perak dan menentukan latehan yang betul dalam pekerjaan perak bagi sa-bilangan munasabah pemuda2 dan pemudi2 Melayu Brunei.

Bab 5 mengadakan sa-buah Jawatankuasa Pengelola yang di-tubuhkan menurut dengan atoran2 yang di-buat di-bawah bab 7.

Bab 6 membuat syarat tentang menanda tangani warkah² Sharikat yang menghendaki satu mohor dan mengadakan bahwa manakala satu konterek atau surat kuasa oleh sebarang orang tidak payah di-buboh mohor, bahwa konterek atau surat kuasa boleh di-tanda tangani bagi pehak Sharikat ini oleh saorang yang di-benarkan 'am-nya atau khas-nya bagi maksud itu.

Kuasa membuat atoran yang di-dalam *bab 7* di-luaskan untuk menetapkan kelayakan² kerana menjadi ahli Sharikat dan berbagai² hal peratoran dan untuk mengatorkan modal sher bagi Sharikat dan bilangan sher yang saorang akan membeli. Atoran² ini juga boleh mengatorkan penjualan perusahaan² oleh ahli² dan mengadakan lantekan sa-buah Badan Pemereksa serta kewajipan²-nya. Satu kuasa 'am juga di-masokkan untuk membuat atoran² bagi menjalankan tujuan² serta maksud² Sharikat dan Undang² ini.

Dengan kuat kuasa *bab 7(2)*, atoran² yang terkandung di-dalam Jadual adalah di-anggap telah di-buat di-bawah Undang², satu Sununan Atoran² bagi yang mana juga di-masokkan ke-dalam Jadual itu.

Bab 8 menepikan sebarang permohonan, kepada Undang² ini, bagi Undang² Sharikat, 1956, Bahgian VIII yang mana menentukan penutupan sharikat² yang tidak berdaftar.